

BAB 2

Skim Perbankan Islam di Maybank Berhad

BAB 2

SKIM PERBANKAN ISLAM DI MAYBANK BERHAD

2.1 Pengenalan

Dalam usaha merealisasikan objektif Skim Perbankan Islam (SPI), BNM telah melaksanakan pendekatan secara beransur-ansur untuk menyediakan prasarana yang perlu dengan mengoptimalkan sumber sedia ada. Melalui pelaksanaan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), Maybank sebagai institusi perbankan konvensional dibenar menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam. Di dalam bab ini penulis akan membicarakan tempat kajian yang dipilih dengan menyentuh pengenalan dan sejarah termasuk perbankan Islam di Maybank.

2.2 Maybank Berhad : Satu Pengenalan

2.2.1 Latar Belakang Penubuhan Maybank Berhad

Malayan Banking Berhad (Maybank) telah ditubuhkan pada 31 Mei 1960 di Kuala Lumpur oleh sekumpulan usahawan tempatan yang modal dibenarkan sejumlah RM 120 juta dan modal berbayar sejumlah RM 7.5 juta. Maybank mula beroperasi pada 12 September 1960. Sebagai sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan, skop operasi perniagaan Maybank adalah seperti perbankan, kewangan, insuran, pelaburan dan sebagainya.⁸⁶

⁸⁶ Maybank, *Proposal To MMU*, h.29.

Maybank merupakan sebuah bank komersial yang terbesar di Malaysia dalam segala aspek.⁸⁷ Di Malaysia sehingga pertengahan tahun 2001, Maybank mempunyai 336 cawangan dan lebih 1000 mesin ATM, menjadikannya rangkaian ATM terbesar di negara ini.⁸⁸ Di Singapura pula, Maybank mempunyai 22 cawangan, Brunei Darussalam 3 cawangan, manakala China, Hong Kong SAR, Vietnam, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kemboja dan Uzbekistan masing-masing semuanya mempunyai 1 cawangan.⁸⁹

2.2.2 Matlamat Kumpulan Maybank

Sebagai sebuah institusi kewangan yang terbesar dan cemerlang dari segi pencapaiannya, Maybank mempunyai matlamatnya yang tersendiri untuk memenuhi keperluan semua pelanggan di seluruh Malaysia, Singapura, Brunei dan negara-negara lain. Bagi memenuhi matlamat tersebut, Maybank mempunyai komitmen untuk :⁹⁰

- a) Memberi perkhidmatan kepada pelanggan melalui kaedah yang paling berkesan dan cekap.
- b) Memberi peluang kepada kakitangan untuk meningkatkan potensi diri dan tahap profesional masing-masing.

⁸⁷The High Consultative Committee, "The Introduction Of Islamic Banking Operations Within Interest-Based Commercial Banks - Case Study Of Maybank," Conference Of The Malaysian Experience In Islamic Banking, 9-12 Mac 1996, h.2.

⁸⁸Maybank , *Laporan Tahunan 2001*, h.30.

⁸⁹Maybank (2001), *ibid.*, h.122.


⁹⁰Maybank, *Proposal To MMU*, h.31

- c) Menggunakan teknologi untuk kelebihan dalam persaingan dengan menggunakan kaedah kos paling berkesan (*cost effective way*).
- d) Membentuk satu kerjasama yang paling berkesan dan sempurna dengan menggunakan sumber-sumber yang dimiliki oleh Kumpulan Maybank.
- e) Menjanakan keuntungan dan pertumbuhan pendapatan untuk menyokong perjalanan operasi, tabung pembangunan, pengekalan kualiti serta imbuhan kepada kakitangan dan rakan kongsi.

2.2.3 Struktur Korporat

Kumpulan Maybank mempunyai enam bahagian yang mana setiap bahagian mempunyai fungsi yang tersendiri. Bahagian-bahagian tersebut ialah perbankan, kewangan, insuran, pengurusan harta / pemegang amanah, kustodi, perbankan pelaburan dan syarikat-syarikat Bersekutu. Manakala setiap bahagian itu pula mempunyai beberapa bahagian yang lain pula yang mana terdapat di pelbagai tempat seperti Filipina, Labuan dan sebagainya (Lihat Lampiran 6). Rajah 3.1 di bawah ini menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan struktur korporat Maybank.

Rajah 2.1⁹¹ : Struktur Korporat Kumpulan Maybank



Sumber : Maybank Berhad

2.2.4 Maklumat korporat⁹²

Lembaga Pengarah

Pengerusi	: Tan Sri Mohamed Basir bin Ahmad
Naib Pengerusi	: Dato' Richard Ho Ung Hum
Pengarah Urusan	: Datuk Amirsham A Aziz
Pengarah Eksekutif	: Dato Ismail Shahudin Dato' Mohamed Hussien
Ahli-ahli	: Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd. Ali Mohammad bin Abdullah Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib Haji Mohd Hashir bin Haji Abdullah Teh Soon Poh Datuk Abdul Rahman bin Mohd Ramli

⁹¹Maybank, *Laporan Tahunan 2000*, h 122.

⁹²Maybank (2001), *op.cit.*, h.10-11.

2.2.5 Aktiviti Maybank⁹³

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Maybank mempunyai lima bahagian yang mana setiapnya mempunyai fungsi yang tersendiri. Melalui bahagian-bahagian ini Maybank terus maju dengan beberapa aktiviti iaitu :

- a) Bank Perdagangan
- b) Bank Saudagar
- c) Bank Pesisir Pantai
- d) Perkhidmatan Syarikat Kewangan
- e) Sewaan
- f) Sewa-Jual Beli
- g) Insuran
- h) Perkilangan
- i) Syarikat Broker Saham
- j) Perniagaan Rumah Diskaun
- k) Pengurusan Tabung Harta Amanah
- l) Pengurusan Tabung Unit Amanah
- m) Pegangan Pelaburan
- n) Modal Teroka
- o) Perkhidmatan Amanah
- p) Perkhidmatan Syarikat Nomina

⁹³Maybank (2000), *op.cit.*, h.125

2.2.6 Prestasi Pencapaian Maybank Berhad

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Persatuan Bank-bank di Malaysia dalam penerbitannya, "Data Kewangan Terpilih Bank-bank Komersial 2001", Maybank telah menunjukkan satu prestasi yang amat membanggakan dan merupakan sebuah bank perdagangan yang terbesar dan terbaik di antara bank-bank perdagangan di Malaysia sepanjang tempoh 41 tahun yang lalu.

Laporan Tahunan 2001 telah menunjukkan prestasi pencapaian Maybank secara perbandingan bermula dari tahun 1997. Pencapaian ini meliputi hasil urusan, aset terkumpul dan juga tanggungan dan dana pemegang saham. Maklumat mengenai kewangan adalah seperti di Jadual 2.1 di bawah :

Jadual 2.1⁹⁴ : Butiran Kewangan

(RM Juta)	2001	2000	1999	1998	1997
Hasil Urusan					
Keuntungan operasi (sebelum peruntukan)	3,504	3,657	3,283	3,460	2,868
Keuntungan sebelum cukai	1,510	2,137	1,011	553	3,865
Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti	840	1,360	970	130	2,981
Harta					
Jumlah harta	140,897	127,072	117,497	114,514	110,438
Pinjaman dan pendahuluan	92,654	79,178	76,301	77,852	64,742
Tanggungan dan Dana Pemegang Saham					
Deposit daripada pelanggan	96,485	81,867	77,551	70,025	65,101
Modal saham berbayar	2,352	2,338	2,308	2,286	1,143
Dana pemegang saham	10,040	10,360	9,217	8,407	8,273

Sumber: Maybank Berhad, *Laporan Tahunan 2001*

⁹⁴ Maybank (2001), *ibid.*, h.4

Berdasarkan kepada jadual butiran kewangan di atas, jumlah aset asas Kumpulan pada akhir bulan Jun 2001 kekal pada RM 140,897.3 juta berbanding kepada RM 127,072.1 juta setahun lalu. Ini adalah peningkatan sebanyak RM 13.8 bilion atau 10.9%. Dalam tahun kewangan 2000, pertumbuhannya adalah pada 8.2%. Deposit daripada pelanggan pula meningkat sebanyak RM 14,618 juta atau 17.9% di peringkat Kumpulan kepada RM 96,484.6 juta. Butiran-butiran lain adalah seperti yang tertera di dalam jadual di atas yang mana adalah dirasakan tidak perlu untuk dijelaskan lagi.

Daripada angka-angka yang ditunjukkan di atas jelas menunjukkan bahawa Maybank merupakan sebuah bank yang cemerlang dari segi operasi perdagangannya dan mendapat sokongan serta kepercayaan dari para pelanggannya. Prestasi yang baik ini adalah penting bagi menjamin sokongan yang berterusan bagi setiap perubahan dan pembaharuan yang dilakukan. Oleh itu, tidak hairanlah Maybank mengorat langkah dengan cemerlang dengan pelbagai anugerah dan pengiktirafan semenjak ia ditubuhkan. Antara anugerah-anugerah yang dicapai oleh Maybank adalah seperti di dalam Jadual 2.2 di bawah :

Jadual 2.2⁹⁵ : Anugerah yang diterima Maybank

Tahun	Anugerah yang diterima
1991	<ul style="list-style-type: none"> • "Organisasi IT bagi Keseluruhan Tahun" daripada Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM)
1992	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah "Pengurusan Teknologi Maklumat" daripada Asian Institute of Management
1993	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Kecemerlangan Euromoney untuk "Bank yang Terbaik di Malaysia berdasarkan Keuntungan dan Daya inovasinya"
1995	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Kecemerlangan Euromoney untuk "Bank Tempatan yang Terbaik di Malaysia berdasarkan Pulangan Ekuiti yang Cemerlang" • Anugerah Asian Institute of Management untuk "Pengurusan Am"
1996	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Kecemerlangan Euromoney untuk "Bank Tempatan yang Terbaik di Malaysia berdasarkan Peningkatan Keuntungan dan Pulangan Ekuiti yang Sihat" • Anugerah Asiamoney di atas pemilihan sebagai salah satu dari syarikat-syarikat di Malaysia yang diuruskan secara terbaik
1997	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Asian Banking Digest untuk Kemajuan Pesat dalam Peluasan Kawasan Operasi • Anugerah Asiamoney untuk syarikat di Malaysia yang diuruskan secara terbaik • Anugerah Asiamoney kerana terpilih sebagai Bank terbaik di Malaysia dari segi matawang • Anugerah Asiamoney untuk "Bank Perdagangan Malaysia bagi Keseluruhan Tahun"
1998	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Finance Asia untuk "Bank Perdagangan Tempatan Terbaik" • Anugerah Asiamoney di atas pemilihan sebagai salah satu daripada syarikat di Malaysia yang diuruskan secara terbaik

⁹⁵Maybank (2001), *ibid.*, h.8.

1999	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Global Finance untuk Bank Tempatan Terbaik di Malaysia
2000	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Kecemerlangan Euromoney untuk "Bank Tempatan Terbaik di Malaysia" • Anugerah The Banker untuk "Bank bagi Keseluruhan Tahun" di Malaysia
2001	<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Kecemerlangan Euromoney - <i>Bank Terbaik di Malaysia</i> • Anugerah "The Asset Asian Awards" - <i>Bank Malaysia Terbaik</i> • Anugerah Asia 2001 oleh "Investor Relations Magazine" - <i>Hubungan Pelabur Terbaik oleh sebuah syarikat di Malaysia</i>

Sumber: Maybank Berhad, *Laporan Tahunan 2001*

2.3 Pelaksanaan Perbankan Islam di Maybank Berhad

2.3.1 Sejarah Perbankan Islam di Maybank Berhad

Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) atau sekarang ini di kenali dengan Skim Perbankan Islam (SPI)⁹⁶ mula beroperasi di Maybank pada 5 Mac 1993⁹⁷ setelah dilancarkan pada 3 Mac 1993 oleh Y.A.B Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia pada waktu itu. Pelancaran ini dilakukan serentak di tiga buah bank komersial terbesar di Malaysia iaitu Malayan Banking Berhad (Maybank), Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) dan United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC).⁹⁸

⁹⁶Pada tahun 1998, BNM telah menjalankan satu kajian semula terhadap perbankan Islam dan mendapati penggunaan istilah "SPTF" tidak mencerminkan penampilan sebenar operasi perbankan Islam yang dilaksanakan oleh institusi perbankan. Oleh itu, BNM telah menggantikan istilah SPTF dengan "Skim Perbankan Islam (SPI)" berkuatkuasa 1 Disember 1998. Sila lihat BNM (1999), *op.cit.*, h.276.

⁹⁷Maybank (1993), *Guidelines On Interest-free Banking Scheme*, h. 1.

⁹⁸BNM (1994), *op.cit.*, h.335.

Berdasarkan keperluan skim sebagaimana yang ditetapkan oleh BNM, Maybank telah menubuhkan unit khusus iaitu Unit Perbankan Tanpa Faedah untuk mengendalikan segala aspek pengurusan SPTF.⁹⁹ Unit ini diketuai oleh seorang pegawai kanan bank yang beragama Islam. Walaubagaimanapun, berkuatkuasa 2 Januari 1999, unit ini di naiktaraf kepada Bahagian Perbankan Islam (BPI) setelah BNM menjalankan kajian semula terhadap perbankan Islam dan mendapati operasi ini terpinggir menerusi pengurusan hirarki rendah kerana diuruskan oleh pengurusan peringkat pertengahan.¹⁰⁰ Sehingga Oktober 2001, perkhidmatan perbankan Islam boleh diperolehi di lebih 430 cawangan Maybank dan Maybank Finance di seluruh negara.¹⁰¹

Pelancaran SPI ini adalah bertepatan dengan rancangan jangka panjang Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mewujudkan suatu sistem perbankan Islam yang setanding dengan sistem perbankan konvensional. Jika sebuah bank sahaja wujud maka ia tidak dapat membentuk suatu sistem. Oleh itu, SPI dilancarkan adalah untuk memenuhi salah satu syarat bagi mewujudkan satu sistem perbankan iaitu Perbankan Islam.¹⁰²

⁹⁹Bank Bumiputra Malaysia Berhad menubuhkan unit ini dengan diberi nama Unit Perbankan Muamalah, manakala United Malayan Banking Corporation Berhad dengan nama Jabatan Perkhidmatan Perbankan Tanpa Faedah. Sila lihat Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.56.

¹⁰⁰BNM (1999), *op.cit.*, h.276.

¹⁰¹Berita Harian, 29 Oktober 2001.

2.3.2 Maklumat umum mengenai SPI Maybank

Setelah Maybank mula mengamalkan SPI, berbagai persoalan timbul di kalangan masyarakat. Antaranya ialah bagaimana SPI boleh selamat dari unsur riba kerana ia diwujudkan di dalam bank konvensional yang mengamalkan riba. Adakah SPI dapat bersaing dengan sistem perbankan konvensional yang sudah maju dan adakah SPI dapat memenuhi keperluan pelanggan dan bergerak seiring dengan kemajuan perdagangan sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa. Bagi menjawab persoalan-persoalan seperti di atas, Maybank mengemukakan beberapa jawapan.¹⁰³

- a) Caruman modal asas SPI Maybank adalah bersumberkan Dana Pemegang Saham yang bebas daripada faedah dan daripada deposit penyimpan akaun SPI Maybank.
- b) Untuk memastikan SPI Maybank mengikut landasan Syariah, Tabung dana SPI Maybank di asingkan daripada Tabung dana yang sedia ada. Pihak Pengurusan Maybank telahpun mewujudkan satu sistem perakaunan yang berasingan untuk SPI Maybank. Di dalam tabung inilah dikumpulkan caruman modal SPI Maybank dan deposit yang diterima daripada pelabur dan penyimpan akaun.
- c) Tabung Dana Maybank hanya digunakan untuk pembiayaan perdagangan yang halal dan pelaburan dalam sijil instrumen yang boleh diniagakan seperti Sijil Pelaburan Kerajaan atau *Government*

¹⁰²BNM (1994), *ibid.*, h.328.

¹⁰³Maybank (1994), "Skim Perbankan Tanpa Faedah : Memahami Skim Perbankan Tanpa faedah Maybank".

Investment Certificate (GIC) dan *Bil Penerimaan Islam* atau *Islamic Accepted Bill* (IAB). Ini termasuk pembiayaan memperolehi harta berdasarkan konsep tambahan untung, pajakan, jualan harga tangguh, sewa beli, pembiayaan semula eksport tanpa faedah dan sebagainya.

- d) Di bawah SPI Maybank, nisbah untung untuk pelabur adalah 75:25. Ini bermakna, pendeposit menerima agihan keuntungan sebanyak 75%, manakala Maybank mendapat 25% sahaja. Nisbah ini adalah di antara yang tertinggi berbanding dengan bank perdagangan lain yang menawarkan skim yang sama.
- e) Matlamat memperkenalkan SPI Maybank ialah untuk memberi pilihan kepada orang ramai dalam usaha menjalankan urusan perbankan mereka. Oleh itu, produk di bawah SPI ini adalah setanding dengan produk bank konvensional, bezanya cara pelaksanaan SPI adalah mengikut landasan syariah.
- f) SPI Maybank ada menyediakan kemudahan pembayaran seperti Pembiayaan Semula Eksport Secara Islam (IECR), *Bil Penerimaan Secara Islam* (IAB) dan *Surat Kredit* (LC) dalam urusan perdagangan antarabangsa. Kemudahan pertukaran wang asing dan pemindahan dana asing yang sedia ada boleh digunakan kerana khidmat pembayaran berdasarkan komisen dan bayaran perkhidmatan, bukannya kadar faedah.

2.3.3 Matlamat SPI Maybank

Matlamat SPI Maybank adalah seperti berikut :¹⁰⁴

- a) SPI Maybank menyediakan pilihan kepada sistem bank konvensional. Skim ini bertujuan memberi pelanggan bank kemudahan menyimpan wang mereka dengan selamat demi jaminan hari tua dan kecemasan.
- b) Ia memberi peluang kepada pengusaha yang menunggu pembiayaan kewangan berlandaskan syariah menggunakan kemudahan bank tanpa riba untuk menggiatkan perniagaan mereka.
- c) Untuk memberi keadilan kepada pihak yang menyumbangkan modal menerima nisbah agihan keuntungan yang lebih tinggi (75%) berbanding dengan pemegang amanah atau Maybank (25%).

2.3.4 Struktur Organisasi Jabatan Perbankan Islam

Jabatan Perbankan Islam di Maybank Berhad mempunyai struktur organisasi seperti di dalam Rajah 2.2 di bawah :

¹⁰⁴ Maybank (1994), *ibid.*

Rajah 2.2 : Struktur Organisasi Jabatan Perbankan Islam



Sumber: Maybank Berhad

2.3.5 Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan (MPSK)

Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan (MPSK) untuk Perbankan Islam dan Takaful telah ditubuhkan pada Mei 1997. Objektif utamanya adalah¹⁰⁵,

- i) Sebagai badan berkuasa tunggal untuk menasihati bank berhubung operasi perbankan dan takaful;
- ii) Untuk menyelaraskan isu-isu syariah yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam;

¹⁰⁵BNM (1999), *op.cit.*, h.282.

- iii) Untuk menganalisa dan memeriksa aspek-aspek syariah dalam produk dan skim baru yang dikemukakan oleh institusi perbankan dan syarikat takaful.

MPSK dianggotai oleh sebelas orang ahli termasuk dua ulama luar negara yang dilantik untuk memperkuuhkan kredibiliti dan pengiktirafan MPS di peringkat antarabangsa. Walaupun ia telah dibubarkan setelah pindaan konsekuensi ke atas Akta Bank Pusat (1958), Akta Bank Islam (1983) dan Akta Takaful (1984) selesai, bank masih boleh mengekalkan penasihat syariah di institusi kewangan dan perbankan masing-masing.

Maybank sekarang ini masih lagi menggunakan khidmat penasihat Syariah iaitu:¹⁰⁶

1. Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bakar

Kuliah Undang-undang,

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

2. Y.Bhg S.S Dato' Hj Md Hashim Haji Yahaya

Mufti Wilayah Persekutuan

3. Y.Bhg S.S Dato' Haji Hassan Haji Ahmad

Mufti Pulau Pinang

¹⁰⁶En. Azmee, Pengurus Maybank Cawangan Perbankan Islam, Kelantan di Maybank Cawangan Perbankan Islam, temubual pada 3 April 2002; Lihat juga Prospektus Maybank Dana Yakin (2002), h.37

2.3.6 Prestasi Pencapaian SPI Maybank

Perniagaan perbankan Islam Kumpulan Maybank terus berkembang dengan pesatnya dalam tahun kewangan. Prestasi kukuh dalam pasaran yang lebih bersaing akibat ekonomi yang perlahan dan suasana kadar faedah yang rendah telah membantu Kumpulan mengekalkan kepimpinannya di kalangan institusi kewangan yang menyediakan perniagaan perbankan Islam dan konvensional.¹⁰⁷

Pendapatan perniagaan perbankan Islam meningkat 63% kepada RM306.3 juta manakala keuntungan sebelum cukai dan zakat meningkat 96% kepada RM210.5 juta. Jumlah aset perbankan Islam meningkat 61% kepada RM10.36 bilion yang mewakili 7.3% dari aset Kumpulan. Deposit juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh kepada RM7.87 bilion yang mana 48% adalah pembiayaan perumahan dan sewa beli. Kumpulan kini menguasai 21.8% atau lebih satu perlima jumlah pasaran keseluruhan deposit perbankan Islam di negara ini. Pembiayaan berkembang 75% sepanjang tahun ini kepada RM6.4 bilion yang mana 48% adalah untuk pembiayaan perumahan dan sewa beli.¹⁰⁸ Angka-angka sebenar adalah seperti di dalam Jadual 2.3 di bawah :

¹⁰⁷ Maybank (2001), *op.cit.*, h.34

¹⁰⁸ Maybank (2001), *ibid.*

Jadual 2.3¹⁰⁹ : Penyata Kewangan SPI

ASET	2001 RM '000	2000 RM '000
Wang tunai dan dana jangka pendek	1,116,360	1,457,540
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	299,272	70,738
Sekuriti perniagaan	135,879	-
Sekuriti pelaburan	2,326,252	1,175,824
Pinjaman dan pendahuluan	6,409,411	3,656,970
Aset-aset lain	71,402	55,166
Jumlah	10,358,576	6,416,238

LIABILITI DAN PENDAPATAN	2001 RM '000	2000 RM '000
Deposit daripada pelanggan	7,869,274	5,022,334
Deposit dan penempatan daripada bank dan institusi-institusi kewangan lain	1,195,692	799,568
Dana perbankan Islam	334,493	188,150
Pendapatan daripada operasi SPI	306,351	187,166
Kerugian pinjaman dan peruntukan	82,933	48,180
Perbelanjaan overhed	12,887	30,578
Komitmen dan luar jangkaan	1,948,904	762,206

Sumber: Maybank Berhad, *Laporan Tahunan 2001*

Kumpulan Maybank kini menguasai 25% pasaran keseluruhan kegiatan pembiayaan Islam. Di dalam sektor pembiayaan perumahan, Kumpulan mempunyai penguasaan pasaran yang signifikan iaitu sebanyak 37%, hasil daripada usaha pemasaran dan promosi sepanjang tahun.¹¹⁰

¹⁰⁹ Maybank (1994), *op.cit.*, h.104.

¹¹⁰ Maybank (2001), *op.cit.*, h.34.

2.3.7 Prinsip Muamalah Islam di SPI Maybank¹¹¹

Bersesuaian dengan objektif penubuhan bank Islam dan juga matlamat SPI Maybank, semua aktiviti perbankan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip perbankan dan kredit Islam yang diakui oleh syarak. Antara prinsip-prinsip yang digunakan adalah seperti berikut:¹¹²

- a) *al-Wadī'ah*
- b) *al-Mudārabah*
- c) *al-Murābahah*
- d) *Bay' Bithaman Ājil* (BBA)
- e) *al-Wakālah*
- f) *Bay' al-Dayn*
- g) *al-Kafālah*

Maybank Berhad tidak menggunakan prinsip *al-Musyārakah* di dalam produk-produknya seperti Surat Kredit Musyarakah.¹¹³ Manakala prinsip-prinsip lain seperti *al-Ijārah Thumma al-Bay'* dan juga *Bay' al-'Inah* dilaksanakan oleh syarikat subsiadiarnya iaitu Mayban Finance Berhad.¹¹⁴

¹¹¹ Prinsip Muamalah Islam ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi di dalam Bab 3.

¹¹² En. Ahmad Johor, Pegawai Bahagian Perbankan Islam Maybank, temubual di Tingkat 19, Menara Maybank, Kuala Lumpur pada 1 Mac 2002.

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ http://www.Maybank2u.com/other_services:::islamic banking>maybank finance>about, 3 Disember 2001.

2.3.8 Produk-produk dan perkhidmatan SPI Maybank¹¹⁵

Maybank telah menukar kebanyakan produk yang berkonseptan konvensional kepada bentuk Islam yang ianya membentuk produk dan perkhidmatan SPI. Terdapat 3 jenis produk dan perkhidmatan SPI yang disediakan iaitu :¹¹⁶

2.3.8.1 Operasi Perbankan : Deposit Pelanggan

- i) Akaun Simpanan Wadiah
- ii) Akaun Semasa Wadiah
- iii) Akaun Semasa Mudharabah
- iv) Akaun Pelaburan Mudharabah Am
- v) Akauan Pelaburan Mudaharah Khas

2.3.8.2 Operasi Perbankan : Pembiayaan

a. Jenis-jenis Pembiayaan BBA

- i) Pembiayaan Perumahan (BBA House)
- ii) Pembiayaan Projek (BBA Term)
- iii) Pembiayaan Perniagaan (BBA Term)
- iv) Pembiayaan Berjangka (BBA Term)
- v) Kemudahan Overdraft Secara Islam (At-Tamwil)

¹¹⁵ Produk-produk perbankan Islam dan juga analisis akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Bab 4.

¹¹⁶ Brosur Produk & Perkhidmatan yang disediakan oleh Perbankan Islam Kumpulan Maybank. Sila Lihat Lampiran 7.

2.3.8.3 Operasi Perbankan : Pembiayaan Perdagangan

- i) Kutipan Bil Wakalah (WBC)
- ii) Surat Kredit Murabahah/Wakalah (LCM/W)
- iii) Resit Amanah Murabahah (MTR)
- iv) Pembiayaan Bil Eksport (OBP)
- v) Surat Jaminan Bank (IBG)
- vi) Surat Jaminan Perkapalan (ISG)
- vii) Bil Penerimaan (IAB)
 - Import/Belian (Murabahah/Bai' al-Dayn)
 - Eksport/Jualan (Bai' al-Dayn)
- viii) Pembiayaan Semula Eksport Kredit (IECR)
 - Pra Penghantaran (Murabahah/Bai' al-Dayn)
 - Pasca Penghantaran (Bai' al-Dayn)

2.4 Kesimpulan

Maybank adalah merupakan sebuah bank perdagangan yang komited di dalam melaksanakan operasi SPI walaupun ianya adalah sebuah bank konvensional. Semenjak awal lagi ia berusaha untuk memberikan suatu perkhidmatan yang dapat memenuhi cita-cita dan impian pelanggannya dengan memberi pilihan perbankan secara Islam. Bukti nyata ialah Maybank telah dapat melepas sasaran 5% yang telah

ditetapkan oleh BNM, malah sekarang Maybank telah menetapkan untuk mencapai sasaran 8% di dalam operasi perbankan Islam.¹¹⁷

Selain itu juga, Maybank telah menujuhkan cawangannya yang hanya menawarkan perkhidmatan perbankan Islam sahaja. Sehingga sekarang ini terdapat 3 buah Maybank Cawangan Perbankan Islam yang masing-masing bertempat di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Wangsa Maju.¹¹⁸

¹¹⁷I.b. Azmee, *op.cit.*

¹¹⁸En. Azmee, *op.cit.*